

27 JUN 1996

Mahathir-Komputer

KORIDOR SUPER MULTIMEDIA M'SIA SEMAKIN DAPAT PERHATIAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Rancangan Koridor Super Multimedia Malaysia (MSC) semakin menarik perhatian para pengusaha multimedia terkemuka dunia untuk mengadakan aktiviti mereka di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed hari ini.

Pengasas Microsoft, Bill Gates, umpamanya, menunjukkan reaksi positif terhadap MSC negara dan mempunyai harapan tinggi terhadap masa depan program itu, katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah sekembalinya daripada bercuti di luar negara.

"Dia mungkin mengadakan aktiviti Microsoft di Malaysia," kata Dr Mahathir yang turut bertemu Gates dan melawat ibu pejabat Microsoft di Seattle, Washington semasa percutiannya itu.

Gates yang berjaya menjadikan Microsoft sebagai syarikat perisian terkemuka di dunia, telah dijemput menjadi anggota majlis untuk MSC yang diusahakan oleh Malaysia, kata Dr Mahathir.

MSC itu meliputi kawasan seluas 15 km kali 40 km menghubungkan KLCC, Putra Jaya dan lapangan terbang antrabangsa baru di Sepang.

Dr Mahathir berkata beliau juga melawat syarikat Reboot di Vancouver, Kanada, yang menggunakan teknologi canggih dalam pembuatan animasi menggunakan komputer.

"Ia boleh membuat filem macam kartun dengan penggunaan komputer dengan grafik, operasi yang sangat canggih.

"Kita berpendapat bahawa industri ini juga mempunyai masa depan yang cerah," katanya.

Menurut beliau, pengusaha syarikat itu juga menyatakan minat datang ke Malaysia untuk berjumpa dengan mereka yang terlibat dengan kegiatan multimedia.

-- BERNAMA

AZZ PR